

IQR A

PTAR

UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

"LIBRARY for ALL" ISSN : 2289-9537

e- BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK

www.facebook.com/library.uitmwww.instagram.com/ptaruaitmperpustakaanuitm.blogspot.my

MAJLIS PELANCARAN READ@UNI



Majlis Pelancaran Read@Uni, telah dilancarkan oleh Menteri Pendidikan Malaysia, YBhg Dr. Maszlee Malik Alam, pada 29 November 2018 di Dewan Agung Tun Canselor (DATC), Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah. Program tersebut adalah kerjasama antara Jabatan Pendidikan Tinggi, Pusat Sitali Malaysia dan Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), UiTM Shah Alam. Program Read@Uni ini merupakan inisiatif bagi mewujudkan negara membaca pada tahun 2030, dan akan dilaksanakan melalui perpustakaan di semua Institusi Pendidikan Tinggi Awam dan Swasta.

Dengan slogan 'With Knowledge We Lead' dan bertemakan #Malysiamembaca, kempen ini bertujuan untuk mewujudkan Malaysia sebagai sebuah negara berbudaya membaca dan dapat menyemarakkan lagi pembacaan dalam kalangan kumpulan sasaran iaitu mahasiswa, penyarah dan staf pentadbiran.

Menerusi ucapan Naib Canselor UiTM, YBhg Prof Emeritus Dato' Dr Hassan Said berkata, "Sejajar dengan saranan KPM yang akan menghidupkan kembali Kempen Membaca Kebangsaan dalam usaha memastikan rakyat Malaysia dikenali sebagai masyarakat paling ramai membaca pada 2030, UiTM akan memastikan pelbagai aktiviti lagi diadakan bagi mendokong ke arah budaya membaca.

"Bagi memastikan budaya membaca sentiasa menjadi 'rakan karib' dalam kalangan warga universiti, perpustakaan perlu memainkan peranan dalam mempromosi dan melaksanakan kempen dari semasa ke semasa," katanya.

Dr. Maszlee lancar program Read@Uni di UiTM Shah Alam

MUHAMMAD IQBAL RAMLAN 29 November 2018

SHAH ALAM - Program **Read@Uni**, telah dilancarkan oleh Menteri Pendidikan Malaysia, YBhg Dr. Maszlee Malik dalam satu majlis yang telah diadakan di Dewan Agung Tun Canselor (DATC), Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam, hari ini.

Program hasil kerjasama antara Jabatan Pendidikan Tinggi, Pusat Sitali Malaysia dan Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), UiTM Shah Alam ini merupakan inisiatif bagi mewujudkan negara membaca pada tahun 2030, dan akan dilaksanakan melalui perpustakaan di semua Institusi Pendidikan Tinggi Awam dan Swasta.



Sumber : kampusuols
<https://kampusuols.com/article/423591/U-In-News/SEL-KL/Dr-Maszlee-lancar-program-Read@Uni-di-UiTM-Shah-Alam>
#ReadAtUni #MalaysiaMembaca #UITMmembaca #libraryuitm #uitmread #uitm



Program Read@Uni ini, bukan sahaja dapat menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat dan cintakan ilmu, khususnya dalam kalangan warga universiti, inisiatif seumpama ini juga dapat melahirkan masyarakat yang kaya ilmu dan berpengetahuan tinggi dalam pelbagai bidang.

Dalam majlis ini, turut diadakan penyampaian hadiah kepada pemenang Pertandingan Poster Read@Uni, Wan Muhammad Hafizi Wan Mansor yang telah berjaya dipilih sebagai pemenang hadiah utama daripada enam orang finalis, membolehkannya membawa pulang sijil, trofi berserta wang tunai berjumlah RM1,500.

Lima peserta lain yang memenangi saguhati adalah Nurul Ain Syafiqah Mat Desa dari UniSZA, Angeline Lee Ling Sing dari UMS, Muhammad Luqman Hakim Mohd Hanapiah dari Upsi, Lina Syazana Md Razi dari UiTM Kota Samarahan, dan Awang Hishammudin Awang Morsal dari UiTM Puncak Alam. Majlis telah diakhiri dengan persembahan teater pendek daripada pelajar Fakulti Filem Teater dan Animasi, UiTM Puncak Perdana dan seterusnya ke tapak pameran poster Read@Uni.

Universiti disaran jadi agen penggerak semarak kempen membaca

Tarikh kemaskini: 29/11/2018



SHAH ALAM, 29 Nov (Bernama) - Universiti awam dan swasta disaran menjadi agen penggerak bagi menyemarakkan lagi kempen membaca dalam kalangan warga masing-masing dengan mewujudkan suasana pembacaan yang meriah dan mampu melawan budaya hidup yang biasa-biasa sahaja atau 'mediocre'.

Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malek berkata antara inisiatif yang boleh dilakukan adalah memperbanyakkan program bedah buku, bual bicara tentang karya tersohor, wacana serta debat mengenai buku yang mengandungi pemikiran-pemikiran tinggi.

"Suasana membaca yang meriah mampu melawan budaya hidup 'mediocre' iaitu budaya hidup pertengahan yang penuh dengan hiburan serta bahan-bahan popular yang langsung tidak mendidik dan langsung tidak menjadikan mahasiswa sebagai golongan berkualiti."



sumber : Bernama <http://bernama.com/bm/news.php?id=1670283>

MAJLIS PERASMIAN PERPUSTAKAAN DIGITAL

Oleh: Jaz Norfazuna Binti Jaafar



Majlis Pelancaran Perpustakaan Digital UiTM telah diadakan pada 27 dan 28 November 2018. Majlis ini telah dirasmikan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Seri Utama Arshad Ayub, Pro Canselor Universiti Teknologi MARA.

Objektif utama Pelancaran Perpustakaan Digital UiTM adalah:

- Memperlihatkan inisiatif Perpustakaan Tun Abdul Razak ke arah menjadi Perpustakaan Digital selari dengan perkembangan Revolusi Industri 4.0
- Sebagai salah satu usaha melonjakkan perkhidmatan Perpustakaan kearah mengoptimumkan sepenuhnya penggunaan teknologi maklumat (ICT) dan Internet (IoT)
- Mengetengahkan inovasi-inovasi perkhidmatan Perpustakaan Universiti Teknologi Mara (PUiTM) khususnya yang melibatkan penggunaan teknologi
- Mendepani usaha-usaha kearah memantapkan perkhidmatan Perpustakaan yang berfokus kepada Perpustakaan Digital

Antara perkhidmatan yang telah dilancarkan adalah:

- **PTAR Cashless Transactions**
- **WILS (Web Base Library Information System)**
- **UiTM Library Mobile Apps**
- **MOOCS@PTAR**
- **Plantation Local Content Hub**

Revolusi Industri ke-4 telah mempengaruhi komunikasi dan sistem sosial dalam kehidupan masa kini yang menjadi pelengkap kepada akses dunia tanpa sempadan. Namun begitu, perkembangan teknologi media dan komunikasi melalui internet pelbagai benda (Internet of Things -IoT), penggunaan robotic, cloud dan yang seumpamanya sedikit sebanyak menjadi cabaran dalam perkembangan teknologi.



Pelancaran Perpustakaan Digital UiTM ini telah memperlihatkan inisiatif perpustakaan selari dengan perkembangan Revolusi Industri 4.0. Di samping itu, program ini sebagai salah satu usaha untuk melonjakkan perkhidmatan perpustakaan ke arah mengoptimalkan penggunaan teknologi maklumat (ICT). Perpustakaan UiTM sentiasa menentang inovasi yang melibatkan penggunaan teknologi dalam perkhidmatan perpustakaan. Inovasi perpustakaan yang melibatkan penggunaan teknologi maklumat (ICT) telah berjaya diperingkat tertinggi. Usaha ini, memberi impak positif kepada organisasi dan secara tidak langsung dapat memberi contoh kepada organisasi awam yang lain.



Selaras dengan agenda transformasi kerajaan untuk meningkatkan penggunaan teknologi dalam perkhidmatan awam, perpustakaan kini telah banyak melakukan transformasi sama ada dari segi fungsi, kemudahan dan perkhidmatan. Perkhidmatan perpustakaan kini semakin menuju ke arah penggunaan teknologi maklumat (ICT) sama ada dari segi kandungan dan infrastruktur. Hasil penggunaan teknologi maklumat (ICT) ini, dapat memudahkan dan mempercepatkan segala urusan perkhidmatan perpustakaan.

Selain itu, penggunaan teknologi maklumat (ICT) dalam perpustakaan memainkan peranan yang sangat besar dalam menyokong pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan universiti. Melalui usaha lonjakan perkhidmatan perpustakaan ini, diharap dapat meningkatkan perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan ke arah pembudayaan ilmu, selaras dengan aspirasi negara.

#dluim #digitallibrary #libraryuitm #library #uitm #ptar

TAHNIAH KIK PTAR I-TEAM MENERIMA GOLD AWARD DI INTERNATIONAL
QUALITY AND PRODUCTIVITY CONVENTION (IQPC) 2018-INDONESIA


**Sekalung
TAHNIAH**
Kumpulan KIK **i-TEAM**
ANUGERAH EMAS

TEMU KARYA MUTU & PRODUKTIVITAS NASIONAL XXII
INTERNATIONAL QUALITY & PRODUCTIVITY CONVENTION 2018
HOTEL HARMONICONE BATAM - INDONESIA
27 - 30 NOVEMBER 2018

<https://www.facebook.com/perpustakaanuim> @ptaruim <https://perpustakaanuim.blogspot.my/>

BATAM

2.058 Peserta Ikuti TKMPN Ke-XXII 2018

Selasa, 27 November 2018 - 23:43:41 WIB

[Facebook](#) [Twitter](#) [Google+](#) [WhatsApp](#) [iMessage](#) [Telegram](#)


Perpustakaan UiTM November 30, 2018 *i-Team, International Quality and Productivity Convention, IQPC, KIK, KIK i-Team, MPC, Quality*

Tahniah dan Syabas kepada Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) **i-TEAM** dari Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM telah berjaya meraih Anugerah Emas (Gold Award) 3 Bintang di International Quality and Productivity Convention (IQPC) 2018 di Hotel Harmoni One Batam Centre, Indonesia

Berita : 2,058 Peserta Ikuti TKMPN Ke-XXII & IQPC 2018

<https://www.haluankepri.com/news/detail/116891/2058-peserta-ikuti-tkmpn-kexxii-2018>

READ@UNI :PROGRAM BUAL BICARA TOKOH

BUAL BICARA TOKOH

PEMIKIRAN BESTARI KERANGKA KEPIMPINAN BERKUALITI

YBrs. Prof. Madya Dr. Amer Shakir Zainol (Moderator)

YBhg. Datuk Dr. Hj. Zahazan Mohammed

YBrs. Cik Nur Farhana Suhaimi (Moderator)

16 November 2018 (Jumaat)
8.30 pagi - 12.00 tengah hari
Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR)
UiTM Shah Alam

Anjuran Bersama:
Institut Pemikiran dan Kepimpinan Melayu (IMPAK)
Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR)
Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Tengah (DBPWTgh)
Persatuan Alumni Majlis Perwakilan Pelajar UiTM (PIMPIN)

UiTM *di hati*

PROGRAM BUAL BICARA TOKOH 'PEMIKIRAN BESTARI KERANGKA KEPIMPINAN BERKUALITI'

Tarikh : 16 November 2018 (Jumaat)

Masa : 8.00 pagi - 12.00 tengah hari

Tempat : Foyer, Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Shah Alam

Universiti Teknologi MARA (UiTM) melalui Institut Pemikiran dan Kepimpinan Melayu (IMPAK) dan Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Tengah (DBPWTgh) dan Persatuan Alumni Majlis Perwakilan Pelajar UiTM (PIMPIN) berkerjasama menganjurkan program 'Bual Bicara Tokoh' dengan tema 'Pemikiran Bestari Kerangka Kepimpinan Berkualiti'.

READ@UNI :BACAAN NASKHAH JAWI - LCD2018

LIBRARY CUSTOMER DAY! 2018

Read@Uni
"With Knowledge We Lead"

14 November 2018
Aras 4, PTAR Sains dan Teknologi

Bacaan Naskhah Jawi

Syarat & Peraturan:

- Teks bacaan akan diberikan dalam tulisan jawi.
- Peserta diberikan masa 5 minit untuk persediaan sebelum bermula.
- Peserta perlu menghabiskan teks bacaan dalam masa 15 minit.
- Pemenang diadili berdasarkan ketepatan dan kelancaran dalam pembacaan teks bacaan.

Hantarkan penyertaan sebelum atau pada 12 November 2018!

Sebarang pertanyaan, sila hubungi :

03-5544.3809/3817 (PST)
03-5544.3814 (PKEJ)

pstaruitm
pst.tar
Perpustakaan Kejuruteraan Uitm

@pst.tar
@perpustakaankejuteran

Borang Penyertaan, Sila Imbas!

Hadiah Menarik & Sijil Penyertaan Meriah! Andal!

Aktiviti yang diadakan sempena Library Customer Day 2018 adalah BACAAN NASKHAH JAWI. Tujuan aktiviti ini dilaksanakan adalah untuk memupuk minat dan amalan membaca di kalangan warga universiti khususnya dalam bacaan jawi.

Syarat dan Peraturan:

1. Teks bacaan akan diberikan dalam tulisan jawi.
2. Peserta diberikan masa 5 minit untuk persediaan sebelum bermula.
3. Peserta perlu menghabiskan teks bacaan dalam masa 15 minit.
4. Peserta diadili berdasarkan ketepatan dan kelancaran pembacaan teks bacaan.

TAKLIMAT HAK CIPTA DI ERA DIGITAL

Pihak Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) dengan kerjasama Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) & Research Innovation Business Unit (RIBU), IRMI telah mengadakan siri Bengkel Hak Cipta yang terbuka kepada semua Warga UiTM pada bulan November 2018 ini seperti maklumat dibawah:

22 November 2018: Pusat IT PTAR Utama, UiTM

29 November 2018 : Pusat IT PTAR Utama, UiTM



Penceramah : P.M.Rohazar Wati Zuallcoblely (FUU, UiTM)

Tempat : Pusat IT PTAR Utama, UiTM Shah Alam.

Masa : 10.00 pagi -12.00 tgh

LAWATAN KE TL ROBERTSON LIBRARY CURTIN UNIVERSITY, AUSTRALIA

Oleh: Nurayuni Dayana Nor Azman



Tarikh: 1-5 November 2018

Lokasi: Curtin University, Australia

Seramai 19 Delegasi yang disertai oleh Barisan Pengurusan Eksekutif UiTM Cawangan Melaka yang diketuai oleh Rektor UiTM Cawangan Melaka, Datuk Prof Madya Sabariah Mahat, Timbalan Rektor HEP, En Khairuman Hasim, Timbalan Rektor PJI, Prof Madya Dr Shafinar Ismail, Penolong Rektor UiTM Caw. Melaka Kampus Bandaraya Melaka, Dr Fahmi Rahim, Penolong Rektor UiTM Caw. Melaka Kampus Jasin, Prof. Madya Dr Mohd Rasdi Zaini, Timbalan Pendaftar Kanan, Timbalan Bendahari dan Timbalan Pengarah Fasiliti telah membuat lawatan kerja ke Edith Cowan University dan Curtin University, Perth Australia pada 1 - 5 November 2018. Delegasi ini telah dibawa melawat ke TL Roberson Library, Curtin University. Banyak kemudahan dan perkhidmatan disediakan di Perpustakaan Akademik bagi keperluan pembelajaran dan pengajaran pengguna. TL Robertson Library Curtin University mempunyai 6 aras, dimana setiap aras mempunyai ruang dan kemudahan yang berlaianan fungsi. Antara perkhidmatan nilai tambah yang paling menarik ialah, akses kepada Perpustakaan ini dibuka secara percuma kepada orang awam dan waktu perkhidmatannya ialah 24 jam/seminggu. Selain itu, sebanyak 400 buah komputer disediakan di dalam bangunan perpustakaan ini bagi kegunaan pelajar selain kemudahan plug point bagi pelajar yang membawa komputer riba.

SHARING SESSION BY DR EKO SUPRAPTONO - READ@UNI PROGRAMME : 2ND SERIES

Oleh: Nurayuni Dayana Nor Azman



Tarikh: 22 November 2018

Fakulti Sains Komputer dan Matematik UiTM Cawangan Melaka dengan kerjasama Perpustakaan Uitm Caw. Melaka Kampus Jasin telah mengadakan READ@UNI Programme : With Knowledge We Lead (2nd series). Satu sesi perkongsian ilmu telah disampaikan dengan sempurna oleh Penceramah khas, Dr Eko Suprptono dari Universitas Negeri Semarang [UNNES] . Dr Eko telah mengupas isi kandungan dalam buku yang ditulis oleh beliau sendiri dalam dunia Teknologi. Turut hadir Puan Nor Fadilah Tahar, Ketua Pusat Pengajian Fakulti Sains Komputer dan Matematik Uitm Caw. Melaka . Seramai 70 orang pengguna yang telah melibatkan diri dalam sesi perkongsian ilmu yang telah berlangsung selama tiga jam di Ruangan Aras 1, Perpustakaan.

PENILAIAN AUDIT 5S



Tarikh: 29 November 2018

Penilaian audit 5S keatas Perpustakaan Uitm Kampus Jasin telah dilaksanakan dan diketuai oleh Ketua Sistem Audit UiTM Caw. Melaka, Puan Rozmawati. Penerangan mengenai usaha-usaha penambahbaikan berterusan dari pihak Perpustakaan telah disampaikan oleh Puan Nurayuni Dayana Nor Azman, Pustakawan. Pihak Perpustakaan juga mengucapkan berbilang terima kasih kepada Pasukan Penilaian 5S UiTM Cawangan Melaka atas cadangan-cadangan penambahbaikan yang boleh dilaksanakan lagi bagi meningkatkan lagi perkhidmatan di Perpustakaan.

BENKEL PENGENALPASTIAN DAN PENGURUSAN BAHAYA (HIRARC)

Oleh: Farleen Azrina Zamberi



Tarikh : 7 - November 2018 (Rabu - Khamis)

Lokasi: Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Pulau Pinang, Kampus Permatang Pauh

Bilangan peserta : 27 orang

Objektif Program:

- Mempelajari ilmu tentang keselamatan & kesihatan pekerjaan
- Mempelajari cara yang betul ketika mengendalikan bahan berbahaya menggunakan mesin, peralatan dalam bengkel/tempat kerja.
- Mengenalpasti jenis bahaya (hazard) di dalam bengkel/tempat kerja dengan menggunakan borang khas (borang HIRARC).

AUDIT PENSIJILAN QE/5S PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH UITM CAWANGAN KEDAH



Pada 22 November 2018 telah berlangsung Audit Pensijilan QE/5S oleh pihak Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Wilayah Utara di Perpustakaan Sultan Badlishah.

Memberi pengiktirafan rasmi kepada Perpustakaan Sultan Badlishah yang telah berjaya melaksana dan mematuhi semua kriteria skop Pensijilan QE/5S oleh pihak MPC.

Audit Pensijilan QE/5S ini telah dilaksanakan oleh En.Ahmad Fathan Abd. Rahim, Pegawai Perunding MPC. Pembukaan audit telah dimulakan dengan taklimat ringkas oleh Ketua Perpustakaan iaitu Puan Azizah Khasim. Audit telah berlangsung sehingga pukul 2.00 petang. Alhamdulillah Perpustakaan SultanBadlishah telah berjaya mengekalkan Pensijilan 5S buat kali kelima.

BENKEL FAIL MEJA PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN UiTM CAWANGAN TERENGGANU

Oleh: Asmahani Abdullah

Tarikh: 13 - 14 November 2018

Tempat: Perpustakaan Cendekiawan, UiTM Cawangan Terengganu



Anjuran: Perpustakaan cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu

Penceramah En. Shahrol Nizam bin Johol, Timbalan Ketua Pustakawan

Penglibatan: Semua Staf Perpustakaan Cendekiawan Kampus Dungun

Objektif program:

- Mengemaskini senarai tugas dan maklumat terkini yang terdapat dalam Fail Meja setiap staf perpustakaan.
- Mengenalpasti sasaran tugas utama setiap staf.
- Memastikan staf memahami tugas dengan jelas dan terperinci.
- Meningkatkan kefahaman dalam melaksanakan tugas harian.

BRAIN TEASER @ SKATER, UiTM CAWANGAN TERENGGANU

Tarikh: 17 November 2018

Tempat: Perpustakaan Cendekiawan, UiTM Cawangan Terengganu



Anjuran: Kelab SKATER (Students' Knowledge & Technology Resources) UiTMCT

Ketua Projek: Saudari Nur Hadirah Faqihah Zainudin

Penasihat: Cik Asmahani Abdullah

Penglibatan:

1. 7 orang Jawatankuasa Penganjur
2. 15 orang peserta (3 Kumpulan)

Aktiviti:

- | | |
|-----------------------|------------------------|
| 1. SKA-Hoot@UiTM Game | 2. Bookfaces Challenge |
| 3. King of Numbers | 4. WordMaster |
| 5. World Expertz | |

PROGRAM PTAR@3R GO RURAL VERSION 2 (REACH.READ.RELATE)

Oleh: Hapsah Binti Suut



Tarikh: 8 – 11 November 2018


Program PTAR@3R Go Rural Version 2 (Reach.Read.Relate) bertempat di Kampung Tellian Tengah, Mukah Sarawak, yang Penolong Rektor Kampus Mukah dan Ketua Kampung Tellian Tengah. Seramai 15 orang staf PTAR Cawangan Sarawak, 25 orang persatuan INFORMS (Fakulti Pengurusan Maklumat) dan sekitar 60 orang penduduk kampung yang menyertai program ini. Tujuan utama program ini adalah untuk mempromosi Perpustakaan Pun Abdul Razak Cawangan Sarawak dan UiTM Cawangan Sarawak di kalangan penduduk kampung dalam mendedahkan kepentingan perpustakaan dan universiti di masa depan selari dengan aspirasi Dato Rektor iaitu mengadakan jalinan industry bersama pihak luar "Go Rural" di samping memupuk minat dan kesedaran penduduk kampung untuk membaca serta mengukuhkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat yang berbilang bangsa. Untuk mengeratkan lagi silaturrahim disamping mencungkil bakat-bakat terpendam dengan pelbagai aktiviti-aktiviti yang menarik.

FAKULTI ATTACK



Pada 14 November 2018, bertempat di UiTM Cawangan Sarawak Kampus Samarahan 2 dan 16 November 2018, bertempat Kampus Samarahan telah diadakan Program Fakulti ATTACK! anjuran Unit Perkhidmatan Maklumat, Perpustakaan Tun Abdul Razak Cawangan Sarawak (PTAR). Program ini dianjurkan bertujuan untuk mempromosi semula koleksi perpustakaan dan perkhidmatan yang di sediakan.

PROGRAM DERMA DARAH



Fakulti Pengurusan Maklumat UITM Cawangan Sarawak Semester 4, mengadakan pameran bertajuk "IM Fiesta", dengan kerjasama pihak bank darah Hospital Umum Sarawak untuk melaksanakan aktiviti derma darah. Program Derma Darah telah diadakan bertempat Perpustakaan Tun Abdul Razak PTAR Cawangan Sarawak Kampus Samarahan, pada 15 November 2018. Program ini telah mendapat sokongan penuh daripada para pelajar dan juga kakitangan Institut yang secara sukarela menderma darah bagi membantu pihak hospital dalam merawat pesakit yang memerlukan. Tahniah dan syabas diucapkan kepada wira-wira UITM Cawangan Sarawak ini yang berani dan komited menyokong kempen derma darah bagi menolong insan-insan yang memerlukan.

LEAP AHEAD WITH STUNNING INNOVATION IN MONO AND COLOUR



Perpustakaan Tun Abdul Razak UITM Cawangan Sarawak Kampus Samarahan telah menerima Jemputan Eksklusif untuk LEAP AHEAD dengan inovasi yang menakjubkan dalam Mono dan Warna di Citadines Uplands Kuching, Level 11, Silingut & Tawak Room, No. 55 Jalan Simpang Tiga, 93350 Kuching Sarawak, Malaysia. Seramai 6 orang staf UiTM Cawangan Sarawak dimana 4 orang terdiri dari staf PTAR antaranya Pn Norhayati Ismail, Timbalan Ketua Pustakawan, Nur afeqah Abdullah, Pustakawan Kanan, Zaini dan Mohamad Haswan pembantu Pustakawan. Mereka di jemput untuk meneroka bagaimana teknologi digital Fuji Xerox terkini boleh membantu kerja pejabat harian, dibuat mudah dan mencapai prestasi yang lebih baik dengan produktiviti yang lebih baik.

Mengetahui bagaimana inovasi Mono dan Warna membantu untuk: Lengkapkan aliran kerja dokumen dengan pemeriksaan mudah dan pemprosesan digital, bekerja di mana sahaja; Pejabat di hujung jari anda dengan mobiliti awan, Meningkatkan produktiviti pejabat dan penjimatan kos dengan peranti pintar yang bersambung dan memberi kualiti imej yang hebat dan produktiviti yang kuat dan serba boleh. Semoga taklimat yang dihadiri dapat memberi pengetahuan dan menambah kemahiran dalam melaksanakan tanggungjawab dalam menjalankan tugas.

SELAMAT BERSARA TUAN HAJI PUTIT OMAR



Pada 25 November 2018 berlangsung Majlis makan malam bertempat di Hotel Grand Continental Kuching Sarawak yang disambut dengan penuh warna-warni. Majlis ini diadakan untuk menghargai jasa dan bakti staf yang bersara Tuan Haji Putit Omar. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas sumbangan beliau kepada Perpustakaan Tun Abdul Razak Cawangan Sarawak sehingga ke akhir perkhidmatan. Sumbangan bakti ini yang telah banyak membantu kepada kecemerlangan Perpustakaan Tun Abdul Razak Cawangan Sarawak hari ini dan menjadi contoh kepada warga PTAR. Kami berdoa, semoga beliau dilimpahkan rahmat dan peliharaan oleh Allah dan semoga dipanjangkan usia, diberikan kesihatan tubuh badan serta berbahagia dunia akhirat.

MAJLIS MAKAN MALAM PTAR CAWANGAN SARAWAK



Pada 25 November 2018, telah berlangsungnya Majlis Makan Malam dan Persaraan bertempat di Orkid Norma Hall, Level 1, Hotel Grand Continental Kuching Sarawak. Majlis dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pustakawan, Puan Norhayati Ismail. Kehadiran staf Perpustakaan Tun Abdul Razak Cawangan Sarawak, Staf bahagian lain serta pelajar yang dirai memeriahkan lagi majlis pada malam itu. Majlis dipengerusikan oleh En Jamil Jawi dan En Mohd Hairuddine Suip. Majlis diserikan lagi dengan ucapan En. Khairil Baharom selaku pengerusi Kelab PTAR Cawangan Sarawak. Majlis diteruskan dengan penyampaian cenderahati kepada Pegawai yang bersara kepada En., Puti Haji Omar, oleh Timbalan Ketua Pustakawan. Seterusnya penyampaian hadiah bagi pemenang-pemenang aktiviti mahupun program serta sijil penghargaan kepada pelajar.

KURSUS ASAS KEBAKARAN



Pada 27 hingga 29 November 2018, latihan kebakaran yang telah dilaksanakan oleh Bahagian Latihan UiTM Cawangan sarawak. Program yang mendapat kerjasama Pejabat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UiTM ini dianjurkan untuk memberi pendedahan kepada warga UiTM Cawangan Sarawak tentang situasi kebakaran di pejabat dan cara-cara untuk menyelamatkan diri serta memupuk semangat saling membantu rakan sekerja.

PROGRAM PTAR@3R GO RURAL VERSION 3 (REACH.READ.RELATE)



Pada 29 November 2018 telah berlangsung Program PTAR@3R Go Rural Version 3 (Reach.Read.Relate) bertempat di Kampung Bunan Gega, Serian Sarawak, yang dihadiri oleh Dr Hasmah Mohiden, Penolong Rektor Kampus Samarahan 2. seramai 100 orang penduduk kampung yang menyetai program ini.

Tujuan utama program ini adalah untuk mempromosi Perpustakaan Pun Abdul Razak Caangan Sarawak dan UiTM Cawangan Sarawak di kalangann penduduk kampung dalam mendedahkan kepentingan perpustakaan dan universiti di masa depan selari dengan aspirasi Dato Rektor iaitu mengadakan jalinan industry bersama pihak luar "Go Rural" di samping memupuk minat dan kesedaran penduduk kampung untuk membaca serta mengukuhkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat yang berbilang bangsa. Untuk mengeratkan lagi silaturrahim disamping mencungkil bakat-bakat terpendam melalui acara-acara pertandingan mewarna, masakan, kraftangan, kempen : Juh Kita Baca dan ujian kesihatan secara percuma.

AKTIVITI PERPUSTAKAAN



COFFEE WITH HASSAN
PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK - 13 NOVEMBER 2018

BICARA PROGRAM
Read@Uni
"With Knowledge We Lead"

19 November 2018
 3.00 - 4.00 petang
 PTAR, UiTM Shah Alam

facebook
 LIVESTREAM

#Malaysiaimembaca #UiTMmembaca #UiTMread

READ@UNI UiTM
WITH KNOWLEDGE WE LEAD

NOOR HIDAYAT ADNAN
 KETUA PUSTAKAWAN UiTM &
JAMALLUDIN HAJI SULAIMAN
 TIMBALAN KETUA PUSTAKAWAN KAMUS UiTM

SELASA
27 NOVEMBER 2018
4 PETANG

Sinar LIVE

fokus@fokus KAMPUS UOLS

BICARA PROGRAM : READ@UNIREAD
PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK - 19 DAN 27 NOVEMBER 2018

AKTIVITI PERPUSTAKAAN



**PAMERAN PENERBIT PANGKALAN DATA ATAS TALIAN SEMPERA
LIBRARY CUSTOMER DAY 2018 PTAR
PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK - 15 NOVEMBER 2018**



**MAJLIS ANUGERAH DAN MAKAN MALAM STAF PTAR
PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK - 27 NOVEMBER 2018**



**MAJLIS TAZKIRAH BULAN NOVEMBER 2018
PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK - 30 NOVEMBER 2018**

AKTIVITI PERPUSTAKAAN



**JERAYAWARA AKADEMI PENGAJIAN BAHASA
PERPUSTAKAAN UITM CAWANGAN PULAU PINANG - 12 NOVEMBER 2018**



**BENKEL PENGENALPASTIAN DAN PENGURUSAN BAHAYA (HIRARC)
PERPUSTAKAAN UITM CAWANGAN PULAU PINANG - 7 HINGGA 8 NOVEMBER 2018**

AKTIVITI PERPUSTAKAAN



LAWATAN DARIPADA POLITEKNIK NILAI, NEGERI SEMBILAN
PERPUSTAKAAN UITM CAWANGAN PULAU PINANG - 15 NOVEMBER 2018



HARI TERBUKA PERPUSTAKAAN 2018
PERPUSTAKAAN UITM KAMPUS SG BULOH - 28 HINGGA 29 NOVEMBER 2018



LAWATAN DARIPADA PELAJAR SEMESTER 3, FAKULTI PENGAJIAN MAKLUMAT, UITM
PERPUSTAKAAN UITM KAMPUS SG BULOH - 26 NOVEMBER 2018


AKTIVITI PERPUSTAKAAN



**KAJIAN PENGURUSAN DAN PELUPUSAN REKOD
PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI CAWANGAN PAHANG - 16 NOVEMBER 2018**



**GOTONG ROYONG KECERIAAN DAN BAIK PULIH
PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI UITM CAWANGAN PAHANG - 16 NOVEMBER 2018**



**PROGRAM KHIDMAT BANTU : BUKU JALANAN CHOW KIT FASA 2
PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI UITM CAWANGAN PAHANG - 30 NOVEMBER 2018**



**PROGRAM KHIDMAT BANTU : BUKU JALANAN CHOW KIT FASA 1
PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI UITM CAWANGAN PAHANG - 16 NOVEMBER 2018**

AKTIVITI PERPUSTAKAAN



**BENKEL LITERASI MAKLUMAT UNTUK STAF PELAKSANA PERPUSTAKAAN UITM
PERPUSTAKAAN UITM CAWANGAN MELAKA - 21 NOVEMBER 2018**



**PROGRAM BICARA SENI: CABARAN PELUKIS & PEREKA WANITA MALAYSIA ABAD KE 21
PERPUSTAKAAN UITM CAWANGAN MELAKA - 22 NOVEMBER 2018**



**LAWATAN PELAJAR PROGRAM KEM HUFFAZ CILIK
PERPUSTAKAAN UITM CAWANGAN MELAKA - 29 NOVEMBER 2018**



**PERASMIAN DAN PENUTUP PAMERAN SENI 'CETUSAN SENI
JIWA SRIKANDI' FSSR UITM CAWANGAN MELAKA
PERPUSTAKAAN UITM CAWANGAN MELAKA - 29 NOVEMBER 2018**

AKTIVITI PERPUSTAKAAN



**JASAMU DI KENANG, BUDIMU DISANJUNG
PERPUSTAKAAN UITM CAWANGAN JOHOR - 5 NOVEMBER 2018**



**PERKONGSIAN ILMU PERPUSTAKAAN 2018
PERPUSTAKAAN UITM CAWANGAN JOHOR - 7 NOVEMBER 2018**

AKTIVITI PERPUSTAKAAN



**TADDABBUR AL – MULK
PERPUSTAKAAN DATO' JAAFAR HASSAN CAWANGAN PERLIS - 1 & 16 NOVEMBER 2018**



**PROGRAM : FLASHLIGHT
PERPUSTAKAAN DATO' JAAFAR HASSAN CAWANGAN PERLIS - 2 NOVEMBER 2018**



**HARI MESRA PDJH 2018
PERPUSTAKAAN DATO' JAAFAR HASSAN CAWANGAN PERLIS - 27 & 28 NOVEMBER 2018**

LAWATAN KE PTAR NOVEMBER 2018



**FAKULTI PENGAJIAN MAKLUMAT,
UITM PUNCAK PERDANA
TARIKH: 26 NOVEMBER 2018
TEMPAT: PTAR, UITM KAMPUS
SUNGAI BULOH, SELANGOR.**



**SK SULTAN ISMAIL 3, KOTA BHARU
KELANTAN
TARIKH: 19 NOVEMBER 2018
TEMPAT: PERPUSTAKAAN TENGGU ANIS,
UITM CAWANGAN KELANTAN**



**LAWATAN SEKOLAH SK PINANG
TARIKH: 13 NOVEMBER 2018
TEMPAT: PERPUSTAKAAN TUN ABDUL
RAZAK UITM CAWANGAN SARAWAK
KAMPUS SAMARAHAN**



**SEKOLAH KOLEJ DATU PATINGGI ABANG
HAJI ABDILLAH
TARIKH: 22 NOVEMBER 2018
TEMPAT: PERPUSTAKAAN TUN ABDUL
RAZAK UITM CAWANGAN SARAWAK
KAMPUS SAMARAHAN**

LAWATAN KE PTAR NOVEMBER 2018



SEKOLAH SBPI SELANDAR, SMK SELANDAR DAN SK BATANG MELAKA
TARIKH: 18 NOVEMBER 2018
TEMPAT: PERPUSTAKAAN UITM CAWANGAN MELAKA



SMK GHAFAR BABA & SMK SULTAN ALAUDDIN SEMPERA PROGRAM SELANGKAH KE UITM
TARIKH: 22 NOVEMBER 2018
TEMPAT: PUSAT SUMBER UITM CAWANGAN MELAKA, KAMPUS BANDARAYA



UIN MAULANA MALIK IBRAHIM MALANG, INDONESIA
TARIKH: 26 NOVEMBER 2018
TEMPAT: PERPUSTAKAAN UITM CAWANGAN MELAKA



SMK GHAFAR BABA & SMK SULTAN ALAUDDIN
TARIKH: 29 NOVEMBER 2018
TEMPAT: PERPUSTAKAAN UITM CAWANGAN MELAKA

LAWATAN KE PTAR NOVEMBER 2018



LAWATAN DARIPADA "SIR ROMAN SUBBOTIN" DARIPADA RUSIA
TARIKH: 22 NOVEMBER 2018
TEMPAT: PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK UITM CAWANGAN
PAHANG KAMPUS RAUB



LAWATAN AKADEMIK SK SERI KUALA
TARIKH: 11 NOVEMBER 2018
TEMPAT: PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH, UITM CAW. KEDAH

PAMERAN PTAR NOVEMBER 2018



PAMERAN HAK CIPTA DI ERA DIGITAL (SEPANJANG NOVEMBER 2018)

Pameran Hak Cipta di Era Digital merupakan pameran usahasama PTAR dan juga RIBU (UiTM), IRMI (UiTM), MyIPO serta P.M. Rohazar Wati Zualcobley (FUU, UiTM). Objektif utama pameran Pameran hakcipta ini adalah untuk memberikan pendedahan kepada warga universiti tentang karya dan hasil kerja yang dilindungi di bawah hak cipta. Antara intipati pameran November 2018 adalah:

1. **POSTER PAMERAN HAK CIPTA**
2. **BAHAN –BAHAN PAMERAN DARI RIBU, UiTM**
3. **BAHAN-BAHAN PAMERAN DI MYIPO**
4. **AKTA HAK CIPTA 1987**
5. **KES-KES MELIBATKAN HAK CIPTA**
6. **POSTER HAK CIPTA DARI MYIPO DAN RIBU,IRMI**
7. **KERATAN AKHBAR BERKENAAN HAK CIPTA**
8. **BUKU-BUKU BERKENAAN HAK CIPTA**
9. **MASKOT – MASCOT HAK CIPTA**

Taklimat berkenaan hakcipta juga akan diadakan setiap minggu di PTAR. Pameran November 2018 berlangsung sepanjang November 2018. Semoga dengan pameran ini dapat memberi manfaat pada semua warga universiti.

PAMERAN PERPUSTAKAAN UiTM CAWANGAN NOVEMBER 2018



PAMERAN KONVOKESYEN KE-89

TARIKH : 19 – 30 NOVEMBER 2018

**TEMPAT: PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI
UiTM CAW. PAHANG KAMPUS JENKA**



PAMERAN #BAJET2019

TARIKH : NOVEMBER 2018

**TEMPAT : PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH
UiTM CAWANGAN KEDAH**

PAMERAN PTAR NOVEMBER 2018



PAMERAN SEJARAH, SEMPENA KELAHIRAN NABI MUHAMMAD SAW

TARIKH : 01 – 30 NOVEMBER 2018
TEMPAT: PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
UITM CAW. PAHANG KAMPUS RAUB

SENARAI AKTIVITI PERPUSTAKAAN UiTM BULAN NOVEMBER 2018

Tajuk Berita/ Artikel	Tarikh Mula Aktifiti	Tarikh Tamat Aktifiti	Lokasi/ Aktifiti	Jumlah Peserta	Bengkel/ Kursus/ Latihan/ CSR/ Lain-lain	PTAR/ Cawangan
Kursus Pengurusan Rekod UiTM Cawangan Terengganu	5 Nov 2018	5 Nov 2018	Dewan Cemasari UiTM Cawangan Terengganu	50	Kursus	Terengganu
Jasamu di Kenang, Badimu Disanjung	7 Nov 2018	7 Nov 2018	Bilik Seminar, Perpustakaan Tun Dr. Ismail		Lain-lain	Johor
Bengkel Pengenalan dan Pengurusan Bahaya (HIRARC)	7 Nov 2018	8 Nov 2018	Pulau Pinang	27	Bengkel	Pulau Pinang
Perayawara Akademik Pengajian Bahasa (APB)	12 Nov 2018	12 Nov 2018	Smart Class, Laman Perdana UiTM Pulau Pinang	9	Lain-lain	Pulau Pinang
Lawatan daripada Pontefik Nial, Negeri Sembilan	15 Nov 2018	15 Nov 2018	Pulau Pinang	20	Lain-lain	Pulau Pinang
Konvensyen Pemimpin Pelajar	14 Nov 2018	15 Nov 2018	Dewan Professional, UiTM Cawangan Kelantan	300	Lain-lain	Kelantan
Bengkel Fail Meja Perpustakaan Cendekawan UiTMCT	15 Nov 2018	14 Nov 2018	Perpustakaan UiTM Cawangan Terengganu		Bengkel	Terengganu
Bengkel Kepustakaan Pual Sumberi SK Sultan Ismail 3 & Perpustakaan	16 Nov 2018	16 Nov 2018	Bilik Seminar, Perpustakaan Tengku Anis	60	Bengkel	Kelantan
Lawatan SMK Othar Raba & SMK Sultan Alauddin Sempena Program Selangkah	17 Nov 2018	17 Nov 2018	Perpustakaan UiTM Cawangan Terengganu		Lain-lain	Terengganu
Lawatan sambil belajar dari Sekolah SBPI Selandar, SMK Selandar dan SK Bata	22 Nov 2018	22 Nov 2018	UiTM Cawangan Melaka Kampus Bandaraya		Lain-lain	Melaka
Parkongsian Maklumat: Bengkel Literasi Maklumat Untuk Staf Pelaksana Perpustakaan	8 Nov 2018	8 Nov 2018	Bahagian Perpustakaan UiTM Cawangan Melaka	40	Lain-lain	Melaka
Program Bicara Seni: Cabaran Pelukis & Peneka Wanita Malaysia Abad ke 21	21 Nov 2018	21 Nov 2018	Bahagian Perpustakaan UiTM Cawangan Melaka	22	Lain-lain	Melaka
Lawatan UIN Maulana Malik Ibrahim Malang, Indonesia	22 Nov 2018	22 Nov 2018	Bahagian Perpustakaan UiTM Cawangan Melaka	63	Lain-lain	Melaka
Lawatan Pelajar Program Kem Hufar Cik	25 Nov 2018	2 Okt 2018	Hari Meera Pelanggan PTA - PTA Book Attack: Bon	250	Lain-lain	Kelantan
Pameran dan Persejua Pameran Seni 'Cetusan Seni Jwa Srikandi' ESSA UiTM	26 Nov 2018	26 Nov 2018	Bahagian Perpustakaan UiTM Cawangan Melaka	50	Lain-lain	Melaka
Program Khidmat Berku: Buku Jalan Chow Kit Fasa 1	29 Nov 2018	29 Nov 2018	Bahagian Perpustakaan UiTM Cawangan Melaka	63	Lain-lain	Melaka
Kajian Pengurusan dan Pelikuan Rekod	29 Nov 2018	29 Nov 2018	Bahagian Perpustakaan UiTM Cawangan Melaka	72	Lain-lain	Melaka
Gotong Royong Kesenian dan Baik Pali	16 Nov 2018	16 Nov 2018	Buku Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur	9	CSR	Pahang
Program Khidmat Berku: Buku Jalan Chow Kit Fasa 2	16 Nov 2018	16 Nov 2018	Perpustakaan Al-Bukhari	7	Lain-lain	Pahang
Lawatan SK Seri Kuala	16 Nov 2018	16 Nov 2018	Perpustakaan Al-Bukhari	6	Lain-lain	Pahang
Pameran #Bajet2019	30 Nov 2018	30 Nov 2018	Buku Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur	18	CSR	Pahang
Azadi Perjuangan Semula DE-35	6 Nov 2018	6 Nov 2018	Buku Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur	44	Lain-lain	Kedah
Lawatan daripada Pelajar Seminar 3, Fakulti Pengajian Maklumat, UiTM	1 Nov 2018	30 Nov 2018	Perpustakaan Sultan Badlishah		Lain-lain	Kedah
Hari Terbuka Perpustakaan 2018, UiTM Kampus Sungai Buloh	22 Nov 2018	22 Nov 2018	Perpustakaan Sultan Badlishah		Lain-lain	Kedah
Lawatan ke TL Robertson Library Curtin University, Australia	22 Nov 2018	22 Nov 2018	Perpustakaan UiTM Cawangan Melaka	29	Lain-lain	Selangor
Sharing session by Dr Eko Suparsono - Read@Uni Programme - 2nd series	28 Nov 2018	29 Nov 2018	Perpustakaan UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin	75	Lain-lain	Melaka
Pemilihan Audit 35	29 Nov 2018	29 Nov 2018	Perpustakaan UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin	5	Lain-lain	Melaka
Program PTAR@UM Go Rural Version 2 (Reach Read Relate)	8 Nov 2018	11 Nov 2018	UiTM Cawangan Serawak	100	CSR	Sarawak
Lawatan sekolah SK Pinang	13 Nov 2018	13 Nov 2018	Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Sarawak	30	Lain-lain	Sarawak
Fakulti Attack	14 Nov 2018	14 Nov 2018	UiTM Cawangan Serawak Kampus Samarahan 2		Lain-lain	Sarawak
Program Demia Derah	15 Nov 2018	15 Nov 2018	Perpustakaan Tun Abdul Razak Cawangan Serawak		Lain-lain	Sarawak
IZAP AHEAD with stunning innovation in Mono and Colour	15 Nov 2018	15 Nov 2018	di Otodexis Uplands Kuching Level 11, Silang & 7	6		Sarawak
Lawatan sekolah Kolej Dulu Patinggi Abang Haji Abdillah	22 Nov 2018	22 Nov 2018	Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Sarawak	64	Lain-lain	Sarawak
Selamat bismillah Tuan Haji Puji Omar	25 Nov 2018	25 Nov 2018	Hotel Grand Continental Kuching	40	Lain-lain	Sarawak
Majlis Makan Malam PTAR Cawangan Sarawak	25 Nov 2018	25 Nov 2018	Hotel Grand Continental Kuching	40	Lain-lain	Sarawak
Bumasa Aton Inoketaran	27 Nov 2018	28 Nov 2018	UiTM Cawangan Serawak Kampus Samarahan 2	1	Bumasa	Sarawak
Program PTAR@UM Go Rural Version 3 (Reach Read Relate)	29 Nov 2018	30 Nov 2018	Kampung Bunan Onga, Serian Sarawak	100	CSR	Sarawak
Majlis Pelancaran Read@Uni	27 Nov 2018	27 Nov 2018	PTAR Utama		Lain-lain	PTAR
Library Customer Day Perpustakaan Abdul Razak (LCD 2018)	15 Nov 2018	18 Nov 2018	PTAR Utama		Lain-lain	PTAR
Library Customer Day Undang-Undang (LCD 2018)	15 Nov 2018	15 Nov 2018	PTAR Utama		Lain-lain	PTAR
Library Customer Day PAR(LCD 2018)	15 Nov 2018	15 Nov 2018	PTAR Utama		Lain-lain	PTAR
Library Customer DayPEKJ & PST (LCD 2018)	14 Nov 2018	14 Nov 2018	PTAR Utama		Lain-lain	PTAR
Majlis Pelancaran Perpustakaan Digital	27 Nov 2018	28 Nov 2018	PTAR Utama		Lain-lain	PTAR
Pameran Hekopta Di Era Digital	1 Nov 2018	30 Nov 2018	PTAR Utama		Lain-lain	PTAR
Taklimat Hekopta Di Era Digital Sin 1	7 Nov 2018	7 Nov 2018	PTAR Utama		Lain-lain	PTAR
Taklimat Hekopta Di Era Digital Sin 2	15 Nov 2018	15 Nov 2018	PTAR Utama		Lain-lain	PTAR
Taklimat Hekopta Di Era Digital Sin 3	22 Nov 2018	22 Nov 2018	PTAR Utama		Lain-lain	PTAR
Taklimat Hekopta Di Era Digital Sin 4	27 Nov 2018	27 Nov 2018	PTAR Utama		Lain-lain	PTAR
Tahniah KIK PTAR - Team memenangi Gold Award di International Quality and	27 Nov 2018	30 Nov 2018	PTAR Utama		Lain-lain	PTAR
Pameran Penerima PGAT Sempena Majlis Pelancaran Perpustakaan Digital, UT	27 Nov 2018	30 Nov 2018	PTAR Utama		Lain-lain	PTAR
Coffee with Hassan	19 Nov 2018	19 Nov 2018	PTAR Utama		Lain-lain	PTAR
Majlis Amguruh dan Makan Malam Staf PTAR	27 Nov 2018	27 Nov 2018	PTAR Utama		Lain-lain	PTAR
Bicara Program - Read@Uni di Sinar TV	27 Nov 2018	27 Nov 2018	PTAR Utama		Lain-lain	PTAR
Bicara Program - Read@Uni di PTAR	19 Nov 2018	19 Nov 2018	PTAR Utama		Lain-lain	PTAR